

Tiga syarat utama bangun semula Pasar Datuk Keramat

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memastikan mana-mana pihak yang mahu membangunkan kawasan Pasar Datuk Keramat, di sini perlu memenuhi tiga syarat utama, termasuk kemampuan kewangan.

Ahli Parlimen Titiwangsa yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata syarikat berkenaan juga perlu mempunyai perancangan untuk memindahkan sementara peniaga di pasar berkenaan ke kawasan baharu.

“Jadi saya sudah pesan dengan DBKL, pada masa akan datang, mana-mana pihak mahu ambil alih tanah DBKL ini (tapak Pasar Datuk Keramat), dia kena pastikan, semak latar belakang syarikat, kemampuan kewangan untuk siapkan projek dan bagaimana mahu uruskan soal pemindahan (sementara) peniaga di pasar ini.



Johari bersalaman dengan orang ramai pada Program Santuni MADANI, di Kampung Datuk Keramat, semalam.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

“Kalau ketiga-tiga kriteria ini tiada, kita tak boleh bagi tanah itu, sebab bila kita bagi (tanpa memenuhi kriteria), itu yang enam tahun lebih dia tak boleh buat apa. Jadi bila tidak buat apa, ada ke-

rosakan dia tak betulkan, jadi ia mendatangkan masalah,” katanya.

Beliau berkata demikian keetika ditemui media selepas menghadiri Program Santuni MADANI yang dianjurkan Kementerian

Perladangan dan Komoditi di Masjid Al-Aqam, Kampung Datuk Keramat, di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyerahkan sumbangan 500 bakul makanan yang mengandungi barangan keperluan asas kepada keluarga yang memerlukan.

Mengulas lanjut, Johari berkata, kegagalan syarikat pemaju terdahulu untuk membaiki dan membangunkan kawasan pasar daif itu seperti dirancang sebelum ini, mengakibatkan pelbagai masalah infrastruktur timbul.

“Bahagian ICU (Unit Penyelidikan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri) dan Pejabat Perdana Menteri sudah turun untuk lihat apa yang perlu ditambah baik. Jadi saya sedang tunggu maklum balas. Pihak DBKL juga sudah ambil alih tanah dan duit dari pemaju juga sudah dipulangkan, sebab pemaju tak boleh buat (pembangunan), jadi kita ambil balik.

“Mula-mula dia mahu buat pembangunan, halau peniaga yang sudah berniaga 30, 40 tahun. Mana boleh, dia kena situasi menang-menang. Itu yang saya tekankan (syarat kepada) mana-mana pihak yang mahu bangun kawasan ini.

“Kalau ada orang datang nak buat pembangunan, kena pastikan di mana peniaga ini akan dipindahkan. Penting sebab ini tempat mereka cari makan, mereka bukan (peniaga) tidak sah tapi memang disediakan tapak pasar untuk berniaga, ini soal pendapatan peniaga,” katanya.

Pada 26 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, turun padang melawat pasar berkenaan dan mengarahkan DBKL untuk memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan semula pasar terbabit yang disifatkan sebagai sangat daif.